

PENYIASATAN DAN PELAPORAN KEMALANGAN DI TEMPAT KERJA

OBJEKTIF

- Menjelaskan tentang peruntukan melapor dan menyiasat mengikut AKKP 1994
 - Meningkatkan pemahaman berkenaan NADOPOD
 - ✓ prosedur melapor dan merekod
- Kaedah penyiasatan kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan dan penyakit pekerjaan



Pengenalan - Definisi

INSIDEN

Kejadian tidak dirancang, yang boleh menyebabkan kecederaan dan gangguan kesihatan terhadap manusia, serta kerosakan harta benda dan persekitaran

INSIDEN

- Kemalangan
- Penyakit dan keracunan pekerjaan
- Kejadian berbahaya
- Kemalangan nyaris (*Near miss*)

DEFINISI

KEMALANGAN

Kejadian yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan kerja yang mengakibatkan:

- kecederaan maut (serta merta @ dalam tempoh setahun dari kejadian)
 - kecederaan tidak maut
- ✓ masa kerja hilang - hilang upaya kekal/tidak hilang upaya kekal
- ✓ tiada masa kerja hilang – rawatan perubatan



Kren menara tumbang menghempap rumah kongsi pekerja

DEFINISI

PENYAKIT DAN KERACUNAN PEKERJAAN

Penyakit dan keracunan yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan kerja dan termasuk dalam kelas yang dinyatakan di dalam Jadual Ketiga NADOPOD, yang mungkin disebabkan oleh penyedutan, penyerapan, penghadaman atau bersentuhan secara tidak langsung

Contoh : keracunan Arsenik, jangkitan Leptospirosis, penyakit paru-paru (Asbestosis, Silikosis), kerosakan pendengaran dan strok haba



Penyakit dermatitis pekerjaan disebabkan penggunaan bahan kimia

DEFINISI

KEJADIAN BERBAHAYA

Kejadian yang berbangkit
daripada atau berkaitan
dengan kerja dan termasuk
dalam kelas yang dinyatakan
dalam Jadual Kedua

- kerosakan harta benda

Contoh : Perancah runtuh,
litar pintas, letupan atau
kebakaran



Kren bergerak terbalik

DEFINISI

NEAR MISS

Kejadian yang berbangkit
daripada atau berkaitan
dengan kerja yang tidak
mendatangkan kecederaan
atau kerosakan harta benda,
akan tetapi pada keadaan
yang berlainan berupaya
untuk menyebabkan
kecederaan atau kerosakan
harta benda




Tanah yang sedang dikorek runtuh

TANGGUNGJAWAB

1) PELAPORAN KEJADIAN

Seksyen 32(1) AKKP 1994 – majikan hendaklah memaklumkan kepada pejabat JKKP terdekat mengenai apa-apa kemalangan, kejadian berbahaya, penyakit pekerjaan atau keracunan pekerjaan yang telah terjadi atau mungkin akan terjadi di tempat kerja



Seksyen 32(2) AKKP 1994 – pengamal perubatan atau pegawai perubatan hendaklah melapor kepada pejabat JKKP sekiranya ada merawat, atau dipanggil untuk melawat pesakit yang dipercayai menghidap penyakit pekerjaan atau keracunan pekerjaan (Jadual Ketiga, NADOPOD)

TANGGUNGJAWAB

2) PENYIASATAN KEJADIAN

Peraturan 13, Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan)

- J/kuasa K&K hendaklah memeriksa tempat kerja, selepas apa-apa kemalangan, kemalangan nyaris, penyakit pekerjaan atau keracunan pekerjaan yang berlaku
- penyiasatan dijalankan oleh pegawai K&K atau j/kuasa K&K
- j/kuasa bermesyuarat membincangkan laporan dan mengambil tindakan untuk mengelak kejadian sama berulang



A) PELAPORAN - NADOPOD

“Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004”

- Diwartakan pada 22 April 2004
- Dikuatkuasakan pada 1 Mac 2005

OBJEKTIF

- Pematuhan kepada Akta (Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Akta Kilang dan Jentera, Akta Petroleum)
- Menyeragamkan kaedah pelaporan
- Mewujudkan data yang ‘valid’ dan ‘reliable’

PELAPORAN – Peraturan 5, NADOPOD

KAEDAH - KEMALANGAN

- Dalam masa 7 hari menggunakan borang **JKKP 6** ke pejabat JKKP terdekat selepas kemalangan
 - ✓ maut
 - ✓ kecederaan serius (Jadual Pertama)
 - ✓ lain-lain kecederaan - MC > 4 hari kalendar
 - ✓ kejadian berbahaya (Jadual Kedua)
- Siapa perlu lapor?
 - ✓ majikan – majikan utama, majikan langsung

JKKP 6 - PEMBERITAHUAN MENGENAI KEMALANGAN/KEJADIAN BERBAHAYA
PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (PEMBERITAHUAN MENGENAI KEMALANGAN/KEJADIAN BERBAHAYA, KERACUNAN PEKERJAAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN) 2004

Bahagian A - Maklumat Pemberitahu Pemberitahu - Peraturan 5 (1) & (2) Majkan	Bahagian B - Orang yang terlibat Uraikan setiap orang, atau golongan orang berasingan bagi setiap orang terlibat
Nama 	Nama
Jawatan 	Tarikh Lahir
Nama & Alamat Organisasi 	No. KP atau No. Pasport
No. RCC 	Warganegara
No. Pend. JKKP 	Pekerjaan
Orang yang boleh dihubungi (jika ada) (Nama dan No. Tel.) 	Nama & Alamat Organisasi
No. Telefon 	Tempat Kemalangan
Kod Klasifikasi Insiden (Jadual 3) 	Tarikh dan Masa Kejadian
Bahagian C - Huraian kemalangan atau kejadian berbahaya Sila huraikan apa yang berlaku sebelum, semasa dan selepas kejadian.	
Tanda Tangan Pemberitahu Tarikh Perhatian Mengisi borang ini tidak menggantikan pengetahuan ke atas peraturan keselamatan dan orang yang mengisi borang.	

PELAPORAN – Peraturan 7, NADOPOD

KAEDAH – PENYAKIT/KERACUNAN

- Dalam masa 7 hari selepas didiagnosis oleh doktor atau disyaki menghidap menggunakan borang **JKKP 7** ke pejabat JKKP terdekat
 - ✓ penyakit pekerjaan
 - ✓ keracunan pekerjaan (Jadual Ketiga)
- Siapa perlu lapor?
 - ✓ majikan – majikan utama, majikan langsung
 - ✓ Pegawai Perubatan Berdaftar

JKKP 7

LAPORAN MENGENAI KERACUNAN PEKERJAAN/PENYAKIT PEKERJAAN
PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DAN KESEHATAN PEKERJAAN: PEMBERITAHUAN MENGENAI KEJALANAN, HILJIAN BERBAHAYA, KERACUNAN PEKERJAAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN: 2004

Bagian A1 Penderita: Pekerja (1) Majika Jika lebih dari seorang, sila gunakan borang berasingan untuk setiap orang. Nama: Jawatan: Nama & Alamat Organisasi: No. Telefon: No. R.O.C. No. Pendaftaran JKKP Kod Klasifikasi Industri (Jadual 3) Orang yang boleh dihubungi (jika lain dari atas):	Bagian A2 Penderita: Pekerja (2) Pegawai Perubatan Berdaftar Nama: Jawatan: Alamat Klinik/Hospital: No. Telefon:
---	--

Bagian B – Orang yang Terlibat Nama: Tarikh Lahir: No. K/P/K Pasport: Warganegara: Pewargan: Nama & Alamat Organisasi: Lokasi Kejadian:	Bagian C – Keracunan Pekerjaan/Penyakit Diagnosis/Diagnosis Sementara: Tarikh Diagnosis: Nama & Alamat Doktor yang merujuk:
---	---

Bagian D
Hasil pemeriksaan yang membawa kepada keracunan/penyakit pekerjaan (Sila terangkan bahawa kerja yang dilakukan oleh orang yang terlibat yang mungkin telah membawa kepada penyakit. Jika penyakit mungkin disebabkan oleh pendedahan kepada bahan-bahan kimia, bahan beracun, bahan beracun, atau peralatan yang berbahaya).

Tarikh:

Pendafat:

Isi borang ini dalam bahasa Inggeris dan Melayu. Borang ini adalah untuk tujuan maklumat sahaja.

PELAPORAN – Peraturan 5, NADOPOD

LATIHAN PELAPORAN – KEMALANGAN

Satu kejadian kemalangan di tempat kerja telah berlaku ke atas pekerja bernama Maslina bte Masran, seorang pembantu makmal yang bertugas di Makmal Genetik, Jabatan Perikanan N. Sembilan pada 2 November 2015 jam 2.45 petang. Semasa sedang menuruni tangga daripada makmal untuk ke pejabat Pengarah di Bangunan Pentadbiran, mangsa telah tergelincir dan terjatuh setelah terpijak air. Tangga tersebut baru sahaja selesai dibersihkan. Beliau kemudian dibawa ke klinik berhampiran untuk mendapatkan rawatan. Akibat kejadian, lutut mangsa telah terseliuh dan mangsa telah diberi cuti sakit selama 7 hari.



PELAPORAN – Peraturan 7, NADOPOD

LATIHAN PELAPORAN – PENYAKIT/KERACUNAN

Seorang pekerja di Makmal Penyelidikan bernama Halim bin Abdullah telah mendapat rawatan di klinik Medi-Utama akibat masalah kulit tangan dihidapinya. Doktor mengesyaki beliau menghidap penyakit dermatitis. Sumber alahan ini berkemungkinan daripada tempat kerja pekerja ini.



REKOD – Peraturan 10, NADOPOD

KAEDAH - MEREKOD KEMALANGAN, KEJADIAN BERBAHAYA, KERACUNAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN (Peraturan 10)

Majikan perlu merekod dan menyelenggara borang **JKKP 8**

- semua kemalangan dan kejadian berbahaya
- semua keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan
- perlu disimpan untuk tempoh 5 tahun dari tarikh daftar tersebut dibuat
- perlu dihantar ke Ibu Pejabat JKKP sebelum 31 Januari tahun yang berikutnya (maklumat berakhir 31 Disember)

LAIN-LAIN - NADOPOD

MAKLUMAT TAMBAHAN (Peraturan 11)

- Ketua Pengarah boleh, melalui notis bertulis - mengarahkan majikan mengemukakan apa-apa maklumat tambahan (Jadual Keempat, NADOPOD)

**Borang JKKP 9 –
Kemalangan/ kejadian
berbahaya**

**Borang JKKP 10 –
Keracunan/penyakit
pekerjaan**

LAIN-LAIN - NADOPOD

PENALTI (Peraturan 13)

- Kegagalan untuk mematuhi peraturan
 - denda tidak melebihi RM10 ribu
 - penjara tidak melebihi 1 tahun
 - kedua-dua sekali



CARTA ALIR PELAPORAN - NADOPOD

Berlaku kemalangan / kejadian berbahaya/ penyakit pekerjaan / keracunan pekerjaan akibat atau bersangkutandan dengan pekerjaan di bawah liputan Akta:

Siapa yang tercedera?

Salah seorang pekerja atau orang yang bekerja di tempat kerja menyebabkan:

Kejadian berbahaya seperti Jadual Kedua

Orang lain yang bukan pekerja, yang berada di tempat kerja atau di bawah kawalan anda yang terlibat dengan kemalangan menyebabkan:

Jenis kecederaan

Kecederaan lain menyebabkan tidak dapat bekerja kurang dari 5 hari

Keracunan pekerjaan / penyakit pekerjaan seperti Jadual Ketiga

Kecederaan lain yang menyebabkan tidak dapat bekerja lebih dari 4 hari

Maut atau kecederaan teruk seperti Jadual Pertama

Maut atau kecederaan teruk atau kecederaan yang menyebabkan tidak dapat bekerja lebih dari 4 hari

Kecederaan lain

Tidak perlu tindakan lanjut

Perlu tindakan

Maklumat kepada pejabat JKKP yang terdekat dengan segera

Hantar laporan menggunakan borang JKKP 6 dan 7 kepada pejabat JKKP terdekat dalam tempoh 7 hari dari tarikh kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan

Menyedia dan menyimpan rekod kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan dalam borang JKKP 8 – kemukakan daftar ini kepada JKKP Ibu Pejabat sebelum 31 Januari tahun berikutnya

PERKHIDMATAN ONLINE

The screenshot shows the official portal of the Department of Occupational Safety and Health (DOSH), Ministry of Human Resources. The header includes the DOSH logo, the text 'The Official Portal of DEPARTMENT of OCCUPATIONAL SAFETY and HEALTH MINISTRY of HUMAN RESOURCES', and a search bar. The main navigation menu includes links for GENERAL, EMPLOYER, COMPETENT PERSON/FIRM, DOSH STAFF, and a language selector set to English. Below the menu is a 'HEADLINES/ANNOUNCEMENT' section with a news item about NBS tapia. The central content area features a large banner for the 'National OSH Excellence Award 2014' with the text 'Tahniah Pemenang Anugerah-Cemerlang:KKP Kebangsaan National OSH Excellence Award 2014'. To the right is a 'LATEST INFORMATION' section with links to statistics and reports. At the bottom, the 'ONLINE SERVICES' section is highlighted, showing a red navigation bar with tabs for 'e-Status', 'e-Apps', and 'e-Reporting'. Below this, there are links for 'Notification of Industrial Activity - JKPP 5', 'Notification of Accident, Dangerous Occurrence, Occupational Poisoning and Occupational Disease (NADOPOD) - JKPP 6, 7, 8, 9, 10', 'Use and Standard of Chemicals Hazardous to Health (USECHH)', and 'Industrial Hygiene Report'. Two red arrows point to specific links: one from a text box '1. Klik pada 'e-Reporting'' to the 'e-Reporting' tab, and another from a text box '2. Klik pada 'Notification of ...'' to the 'Notification of Accident, Dangerous Occurrence, Occupational Poisoning and Occupational Disease (NADOPOD) - JKPP 6, 7, 8, 9, 10' link.

1. Klik pada 'e-Reporting'

2. Klik pada 'Notification of ...'

www.dosh.gov.my

- Muat turun borang
- Panduan Mengisi Borang JKPP 8, 9 & 10
- Muat turun Jadual (Jadual 1 hingga Jadual 19)
- Penghantaran Borang secara online (JKPP 6, 7 & 8)

B) PENYIASATAN INSIDEN

TUJUAN

= proses / kaedah pengurusan di mana insiden di tempat kerja disiasat secara sistematik, supaya

- punca dan faktor penyebab kejadian dikenalpasti
 - kejadian berulang dielakkan
 - kehendak perundangan – OSHA 1994 dipatuhi
- tindakan pembetulan dan pencegahan – hirarki kawalan dilaksanakan
- elemen utama Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan – OHSAS, MS1722 dipatuhi
 - pastikan persekitaran kerja kondusif disediakan

KEPERLUAN PENYIASATAN

Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 Seksyen 33(1)

Suatu siasatan patut diadakan mengenai sifat dan punca kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan.

PRINSIP PENYIASATAN

- dijalankan ke atas semua insiden – mengikut prosedur
- dijalankan oleh pihak yang dilantik – kompeten
- kerjasama semua pihak – majikan, pekerja, sub-kontraktor
- mencari *root cause* – elak kejadian daripada berulang
- tidak menyebelahi dan menyalahkan orang; bukan untuk tuntutan insuran atau mempertahankan daripada liabiliti
- sistematik dan dokumentasi
- segera (elak penyusutan bahan bukti)
- bersifat objektif (mencari fakta)
- hasil penyiasatan dimaklumkan kepada j/kuasa K&K untuk cadangan pembetulan
- dibincang di dalam mesyuarat kajian semula pengurusan

TEKNIK PENYIASATAN

a) PENGURUSAN TEMPAT KEJADIAN

- Rawatan yang perlu dan bersesuaian
- Kawal bahaya yang masih wujud
- Asingkan tempat kejadian daripada individu tidak berkaitan
- Elak kacau ganggu bahan bukti;

Peraturan 9, NADOPD - tiada seorang pun boleh, mengalih atau dengan apa-apa cara mengganggu atau mengusik mana-mana loji, bahan, atau yang berkaitan dengan insiden itu kecuali

- untuk menyelamatkan nyawa, mencegah kecederaan
- laluan orang awam
- cegah kerosakan harta



TEKNIK PENYIASATAN

b) KUMPUL MAKLUMAT

- Ambil gambar, ukuran, lakaran
 - ❖ Posisi mangsa, jentera/bahan terlibat, jenis kecederaan/penyakit
- Kenalpasti individu dan saksi berkaitan
 - mangsa, rakan sekerja
 - ❖ jalankan interview ke atas saksi – dapatkan maklumat penting, rekodkan
- Dapatkan dokumen - rekod pekerjaan, jadual kerja, rekod latihan, prosedur kerja



TEKNIK PENYIASATAN

c) KENALPASTI FAKTOR PENYUMBANG

- **Keadaan persekitaran**
 - bunyi bising, haba, pencahayaan, wasap, cuaca buruk
- **Rekabentuk**
 - tempat kerja, loji, peralatan
- **Sistem dan prosedur**
 - tidak bersesuaian atau tiada prosedur
- **Kelakuan manusia**
 - seperti kelakuan tidak selamat dan pembelian peralatan yang tidak sesuai



TEKNIK PENYIASATAN

d) KENALPASTI PUNCA KEMALANGAN

Serta merta (*Immediate Cause*)

- ❖ Perilaku Tidak Selamat – perbuatan yang tidak selamat, yang boleh menyebabkan kemalangan dan/atau mengganggu kesihatan
 - tidak memakai PPE
 - mengguna peralatan rosak/tidak sesuai
 - gagal mematuhi prosedur
 - menjalankan sesuatu tanpa kebenaran
 - kacau ganggu peranti keselamatan



TEKNIK PENYIASATAN

d) KENALPASTI PUNCA KEMALANGAN

Serta merta (*Immediate Cause*)

- ❖ Keadaan Tidak Selamat – keadaan tidak selamat, yang berupaya untuk menyebabkan kemalangan dan/atau mengganggu kesihatan
 - peranti keselamatan rosak
 - PPE rosak
 - ruang kerja sempit/sesak
 - tempat kerja bising
 - mesin/peralatan rosak



TEKNIK PENYIASATAN

d) KENALPASTI PUNCA KEMALANGAN

Asas (*Root Cause*)

- ❖ Punca yang lebih mendalam, asas – menyebabkan punca serta merta boleh berlaku
- ❖ Terbahagi kepada:
 - Faktor manusia
 - ✓ keupayaan dan keadaan fizikal/mental
 - ✓ kelakuan
 - ✓ kemahiran/pengetahuan
 - Faktor tempat kerja
 - ✓ latihan
 - ✓ pengurusan/penyeliaan
 - ✓ rekabentuk kejuruteraan
 - ✓ pengurusan kerja
 - ✓ peralatan kerja
 - ✓ polisi/prosedur kerja
 - ✓ komunikasi

TEKNIK PENYIASATAN

e) LAPORAN KEMALANGAN

- Jelas, tidak mengelirukan, maklumat lengkap menjurus kepada punca sebenar kemalangan
- Cadangan tindakan pembetulan – jangka masa panjang atau pendek:
 - ❖ Penghapusan
 - ❖ Penggantian
 - ❖ Kawalan Kejuruteraan
 - ❖ Kawalan Pentadbiran
 - ❖ PPE
- Dokumen sokongan
- Semakan dan pengesahan



PENYIASATAN BERKESAN

- Kemalangan selalunya berpunca daripada kelemahan dan kegagalan sistem pengurusan
- Kemalangan (sekurang-kurangnya kesan kemalangan) boleh dicegah
- Tujuan penyiasatan untuk mendapatkan punca asas (*root cause*)
 - Teknik penyiasatan yang betul
 - Latihan penyiasatan



KESIMPULAN

- Penyiasatan bertujuan mencari punca asas (*root causes*) kejadian
 - Elak kemalangan sama berulang
- Persediaan – prosedur, perkakasan dalam penyiasatan penting
 - Tindakan pembetulan dan pencegahan perlu dijalankan ke atas ketidakpatuhan
 - Pelaporan kejadian kemalangan kepada JKKP perlu dilaksanakan mengikut kaedah ditetapkan





SEKIAN, TERIMA KASIH